

BULETIN



JSG 2026

Sorotan Sepanjang 2025

Anugerah . Aktiviti . Akademik . Komuniti



ISI KANDUNGAN

Dari Meja Koordinator	01
Amanah baharu pensyarah JSG	02
Penulisan & Penerbitan	03
Penyelidikan	06
Perundingan & Kepakaran	08
Membina penyelidik masa hadapan	13
Program internship	18
Pencapaian cemerlang JSG dalam merealisasikan perancangan strategik UiTM	21
Inovasi P&P	23
Memacu Inovasi Berimpak Tinggi	28
Pengajaran Kolaboratif JSG	33



Perjumpaan Bersama Penasihat Akademik & Pelajar	46
Majlis Apresiasi & Jamuan Raya 2026	48
Hari Inovasi 2025 & Citation Award	50
Team Building Akrab JSG 2025	53
Program Santai makan-makan unit Fizik	55
Bengkel Penulisan Jurnal Pendidikan	57
Bengkel Mendeley	60
Bengkel Bibliometrik Ke arah penerbitan berindeks & berimpak	62
Program Technology Preview & Showcase (TPS)	65
Bengkel Inovasi Penulisan Akademik Dengan Kecerdasan Buatan (AI)	67



Pengajaran Kolaboratif PHY 145- Fizik Kejuruteraan	36
Pengajaran Kolaboratif - Transformasi Pedagogi Fizik: Integrasi Industri dan Inovasi Gamifikasi Fundamental Physics I (PHY130) Thermodynamics.	38
Pengajaran Kolaboratif -ENT300: Fundamentals of Entrepreneurship – “Financial Plan: Step by Step”	40
Pengajaran Kolaboratif -CHM012: Electrochemistry	43
Pengajaran Kolaboratif -Organic Chemistry for Environmental Health	45



Misi Akademik ke Flat Mutiara Idaman Jelutong	69
Misi Akademik Ekspo Selangkah ke UiTM (JSG)	71
FIZIK @Padang Warisan	72
Stem Grooming Camp “Smart City Challenge”	74
Dari sekolah ke kampus: Lawatan SMK Tun Fatimah Hashim ke JSG	76
Critical Thinking: Fikir, reka dan bina	78
Sinar Kasih 2.0: perkongsian ilmu dan rezeki	80
Free Market 9.0 Raya Bergaya	84
MASMED Di Hari Bertemu Pelanggan BHEP 2025	85
TUNAS MADANI 2025	87
KARISTA 2025	90
Sambutan Hari & Bulan Akademia 2025	95
Quran Hour 2025	97

MAJLIS APRESIASI & *Jamuan Raya 2026*

Suhaiza, Nor Aimi, Ainorkhilah

Gema takbir mungkin sudah berlalu, namun kehangatan sambutan Aidilfitri masih segar dirasakan oleh warga Jabatan Sains Gunaan (JSG) UiTM Cawangan Pulau Pinang. Pada 18 April 2025, satu majlis gilang-gemilang bertemakan **"Syawal Dirai, Jasa Dihargai"** telah berlangsung dengan penuh meriah dan bermakna di Bilik Mesyuarat JSG yang telah dihias mengikut tema klasik hari raya.




Majlis ini bukan hanya sekadar jamuan makan-makan, tetapi diselitkan juga dengan penghargaan buat seluruh staf akademik dan pentadbiran JSG yang telah bertungkus-lumus memastikan kecemerlangan jabatan sepanjang tahun. Seperti kata



pepatah, yang ringan sama dijinjing, yang berat sama dipikul, begitulah semangat yang ditonjolkan oleh warga JSG dalam meraikan hari raya dan jasa. Majlis dimulakan dengan bacaan doa oleh En. Sharaf Ahmad dan diteruskan dengan perasmian oleh Dr. Azrinawati Mohd Zin selaku Koordinator JSG. Jutaan penghargaan buat penggerak majlis dua dalam satu ini. Kejayaan majlis ini sudah semestinya didasari

oleh kerja keras jawatankuasa program. Setinggi-tinggi penghargaan buat Puan Suhaiza Hasan selaku Pengarah Program, serta barisan ahli jawatankuasa yang memastikan segalanya berjalan lancar.



Juadah bertemakan tradisional ternyata menambat selera dan menjadikan suasana majlis lebih bermakna. Pelbagai juadah terhidang dengan adanya lemang, ketupat dan rendang, serta hidangan sampingan kegemaran ramai seperti laksa dan soto. Paling menarik, meja pencuci mulut turut dipenuhi dengan pelbagai warna dan rasa bawaan warga jabatan sendiri, membuktikan eratnya ukhuwah melalui konsep perkongsian.



Kemuncak majlis adalah penyampaian penghargaan Anugerah Kecemerlangan JSG yang merangkumi 28 kategori anugerah dan antara yang mencuri tumpuan adalah Anugerah Ketua Jabatan iaitu Anugerah Staf Paling Berdedikasi, Anugerah Inspirasi Jabatan, Anugerah Sokongan Padu, Anugerah Kecemerlangan Produktiviti, Anugerah Permata Jabatan, Anugerah Citra Perjuangan, Anugerah Staf Harapan, Anugerah Staf Mesra, dan Anugerah Khidmat Setia Jabatan.

Majlis turut diserikan dengan persembahan deklamasi sajak yang disampaikan oleh Prof. Madya Dr. Nor Aziyah Bakhari dan Puan Suhaiza Hasan. Semoga kemeriahan ini tidak sekadar berakhir di meja makan, tetapi terus menyemai nilai kebersamaan dan semangat kekitaan dalam kalangan warga JSG untuk terus melakar kejayaan di masa hadapan.

JSG—Syawal Dirai, Jasa Dihargai!



Hakmilik © 2026 oleh Jabatan Sains Gunaan, Universiti Teknologi MARA
Cawangan Pulau Pinang, Penang, MALAYSIA.

Hak cipta adalah terpelihara. Tiada bahagian daripada penerbitan ini boleh diterbitkan, disimpan dalam sistem pengambilan atau dihantar dalam bentuk atau apa-apa cara, elektronik, mekanik, fotokopi, rakaman atau sebaliknya, tanpa kebenaran terlebih dahulu, secara bertulis, dari penerbit.

Diterbitkan pada 1 APRIL 2026
UNIT PENERBITAN JABATAN SAINS GUNAAN UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA
CAWANGAN PULAU PINANG
PENANG, MALAYSIA

